

04/08/2003

Ekspo konvokesyen UM mulai 9 Ogos

SEKRETARIAT Ekspo Konvokesyen Universiti Malaya (Eskum) menganjurkan pelbagai program ilmu sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaya (UM) ke-42 mulai 9 hingga 20 Ogos ini.

Ketua Eksekutif Eskum, Mostadza Md Halimi, berkata pihaknya sudah merancang dengan teliti sejak lebih dua bulan bagi memastikan setiap program itu dapat berjalan lancar.

Hari pertama dimulai majlis perasmian Eskum oleh Pro Canselor, Toh Puan Dr Aishah Ong.

Bermula 11 Ogos dan berikutnya, seluruh warga UM berpeluang menyertai pelbagai program yang dianjurkan Eskum.

Antaranya, Bicara Siswa yang dihadiri Ketua Pengarah Biro Tatanegara, Datuk Dr Nordin Kardi, Diskusi Hala Tuju Negara Pasca Dr Mahathir Mohamad, Bicara bersama Wira Negara, Forum Perdana Hal Ehwal Islam dan Laman Penghargaan Bakat.

Sebahagian program ini ada mendapat kerjasama penuh dari Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Seluruh warga UM termasuk masyarakat sekitar dijemput menyertai semua program dianjurkan kerana pelbagai acara menarik diadakan untuk semua peringkat.

"Program pengisian ilmu pada Eskum kali ini dijangka menarik kerana panel yang dijemput sangat terkenal dalam bidang masing-masing seperti pakar ekonomi, Prof Dr Jomo Kwame Sundram, pakar politik, Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah dan Presiden International Movement for a Just World (Just), Dr Chandra Muzaffar.

"Sementara dalam program Bicara Bersama Wira Negara akan dihadiri Profesor Diraja Ungku A Aziz, pemain skuasy negara, Sharon Wee Lin dan wakil Malaysian Medical Relief Society, Datuk Dr Baba Md Deni," katanya kepada Berita Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Mostadza berkata, Eskum juga membabitkan Forum Perdana Hal Ehwal Islam yang bertumpu kepada perpaduan dan kemerdekaan sempena Hari Kemerdekaan negara.

Bagi mereka yang berbakat pula, boleh menyertai Laman Penghargaan Bakat mendeklamasikan sajak, puisi, pantun, syair atau pidato mereka secara spontan.

Eskum turut menganjurkan Konsert Kampusia 9 yang membariskan persembahan dari artis tempatan yang berkonsepkan hiburan syariat Islam. Maklumat lanjut boleh hubungi Sekretariat Eskum, 03-79673579 dan faks 03-79673580.